

PM jumpa Obama hari ini
Utusan Online
November 18, 2011

NUSA DUA, Bali 17 Nov. - Sidang Kemuncak ASEAN Ke-19 tidak menyentuh mengenai kebimbangan berhubung keselamatan rantau ini berikutan hasrat Amerika Syarikat menempatkan pangkalan tenteranya di Darwin, Australia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan itu boleh dianggap sebagai tindakan dua hala antara Malaysia dan Australia.

"Bagaimanapun kita berharap rantau ini akan terus kekal sebagai rantau aman dan stabil tanpa menimbulkan ketegangan yang berlebihan di kawasan ini," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Ditanya sama ada isu itu akan disentuh dalam pertemuan dengan Presiden AS, Barack Obama esok, beliau berkata: "Pendirian Malaysia adalah untuk melihat pentingnya rantau ini terus menjadi kawasan aman dan stabil."

Perdana Menteri akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Obama esok sempena Sidang Kemuncak ASEAN+3.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, Malaysia mengulangi sokongan terhadap permohonan Timor Leste untuk menjadi negara anggota ke-11 ASEAN.

Beliau berkata, sokongan itu dinyatakan dalam Mesyuarat Majlis Penyelarasan ASEAN Ke-9 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-19 yang bermula di sini hari ini. - utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1118&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm